

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : WAKTU PERTANYAAN MENTERI (MQT)

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA ABDUL AZEEZ
BIN ABDUL RAHIM (BALING)**

TARIKH : 26 JULAI 2022 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM (BALING) minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah kaedah penyelesaian yang dirancang oleh kementerian bagi memastikan keselamatan rakyat dijamin khususnya penduduk di sekitar Gunung Inas Baling, Kedah berikutan insiden kepala air yang berlaku baru-baru ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Antara tindakan yang telah diambil oleh Kementerian adalah seperti berikut:

1. Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) telah:
 - (i) menubuhkan **Pasukan Khas Siasatan Bencana-Tragedi Baling 2022** bagi menyediakan laporan lengkap tragedi insiden tersebut.
 - (ii) Pasukan ini dianggotai oleh agensi berkaitan seperti Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), NADMA, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) dan agensi-agensi teknikal lain berkaitan.

2. **Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)** telah melaksanakan tindakan-tindakan seperti berikut:
 - (i) Membuat pemeriksaan tapak kejadian pada 5 Julai 2022 dan hasil pelaporan awal kejadian banjir lumpur di Baling, Kedah telah dikemukakan kepada KeTSA pada hari yang sama.
 - (ii) Satu mesyuarat teknikal telah diadakan bersama JUPEM mengenai aktiviti penawanan data secara *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) dan *fix wing* dan seterusnya menghasilkan laporan pemeriksaan tapak bencana pada 17 Julai 2022.

SOALAN NO : 2

3. **Jabatan Ukur Dan Pemetaan (JUPEM)** telah melaksanakan tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) Sesi perbincangan antara JUPEM - JMG bagi menetapkan ***Area of Interest*** (AOI) yang diperlukan.
- (ii) Aktiviti pengumpulan data di lokasi-lokasi kolam tadahan yang disyaki telah runtuh.

4. **Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)** pula telah melaksanakan tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) Menyediakan laporan awal kejadian bencana banjir pada 5 Julai 2022 sebaik sahaja kejadian dilaporkan;
- (ii) Melantik Pasukan Siasatan Dalaman JPSM bagi menyiasat dan mengumpul maklumat terperinci mengenai kejadian bencana dan Program Pembangunan Ladang Hutan di Hutan Simpan Gunung Inas pada 14 Julai 2022;
- (iii) Mengetuai tinjauan lapangan di Kompartmen 8, Hutan Simpan Gunung Inas pada 16 dan 17 Julai 2022 bersama jabatan/agensi teknikal berkaitan;
- (iv) Menyediakan dan mengemukakan laporan siasatan awal Pasukan Siasatan Dalaman JPSM kepada pihak KeTSA pada 19 Julai 2022.
- (v) Memberi input kepada Pasukan Khas Siasatan Bencana-Tragedi Baling 2022 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KeTSA pada 20 dan 25 Julai 2022 bagi menyelaraskan penghasilan Laporan Tragedi Baling 2022; dan
- (vi) Menjalankan pemantauan di lapangan bagi memastikan tiada aktiviti penanaman baharu dijalankan di kawasan terlibat.

SOALAN NO : 2

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan awal KeTSA melalui Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) mendapati bahawa **kawasan persekitaran Gunung Inas, Kupang, Baling masih tidak stabil dan terdedah kepada ancaman tanah runtuh serta jatuhnya batuan** berikutan kehadiran bongkah batuan yang longgar dan tergantung di lereng gunung.

Di samping itu, perubahan arus deras secara mendadak bila berlaku hujan di kawasan hulu dan kehadiran taburan puing-puing batuan di dalam laluan sungai boleh mendatangkan berisiko serta membahayakan keselamatan awam di kawasan tersebut.

6. Sehubungan itu, **sebagai langkah awal** bagi memastikan keselamatan rakyat terjamin, **satu surat pemakluman rasmi perihal Langkah Kewaspadaan Awam Di Kawasan Tadahan Gunung Inas, Baling, Kedah telah dihantar pada 22 Julai 2022 kepada kerajaan negeri Kedah**, menyarankan agar kerajaan negeri Kedah mengambil perhatian terhadap **zon bahaya dan zon kawalan** yang dibangunkan oleh JMG bagi tujuan pengurusan bencana di peringkat Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB). KeTSA melalui JMG turut menasihatkan agar kawasan pergunungan zon sumber aliran puing tersebut juga **tidak dibuka kepada awam** sehingga keadaan selamat.

7. Bagi kaedah penyelesaian secara menyeluruh, kementerian melalui Pasukan Khas Siasatan Bencana-Tragedi Baling 2022 sedang menyediakan laporan bersepadu. Laporan tersebut dijangka akan mencadangkan kewujudan **kawasan zon terimpak, zon berisiko, dan zon selamat**. Laporan ini turut akan menyediakan cadangan dan tindakan susulan mengenai **dasar dan pengurusan bencana bagi mengurangkan secara menyeluruh risiko bencana di kawasan tersebut melalui langkah penyelesaian secara berstruktur dan bukan struktur**.

Sekian, terima kasih.